



KENYATAAN MEDIA

21 FEBRUARI 2018

Rampasan Terbesar ST Dalam Tempoh 5 Tahun

Putrajaya, 21 Feb – Suruhanjaya Tenaga (ST) merampas 187 unit kipas siling berjenama Fanco yang bernilai lebih RM100,000 kerana didapati tidak mempunyai Perakuan Kelulusan (Certificate of Approval - CoA) dari ST.

Rampasan pada 25 Januari 2018 di sebuah gudang di Ampang, Selangor itu dilakukan berdasarkan aduan yang diterima dari orang awam. Jumlah ini juga merupakan jumlah rampasan terbesar ST dalam tempoh 5 tahun.

Siasatan lanjut berhubung kes tersebut sedang dijalankan dan ST akan mengambil tindakan undang-undang sewajarnya terhadap pihak yang terbabit di bawah 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990. Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Bagi memastikan kelengkapan elektrik yang dijual di negara ini adalah selamat, Peraturan 97, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan kelengkapan-kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk mendapatkan CoA sebelum ia boleh dikilang, diimport, dipamer, dijual atau diiklankan.

Selepas CoA dikeluarkan, kelengkapan-kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk melalui ujian di SIRIM dan seterusnya kelengkapan tersebut hendaklah dilabel dengan label SIRIM-ST sebelum ia boleh dijual.

Sehingga hari ini, sebanyak 34 jenis kelengkapan elektrik adalah di bawah kawalan ST termasuk soket, lampu, cerek air, ketuhar, peti sejuk, pemanas air, kipas dan pengecas.

ST memandang serius soal keselamatan kelengkapan elektrik kerana menjadi tanggungjawab ST untuk memastikan keselamatan pengguna dalam menggunakan kelengkapan tersebut. ST juga ingin menyeru semua pengguna agar hanya memilih kelengkapan elektrik yang diluluskan oleh ST bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500/+603 8870 8554/+603 8870 8598/+603 – 8870 8537/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my / ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.